

09 FEB 1998

Mahathir-pelaburan

MALAYSIA BATAL RANCANGAN MELABUR DI LUBNAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata beliau "amat kesal" Malaysia terpaksa membatalkan rancangan untuk melabur di Lubnan bagi membantu pembinaan semula negara itu kerana masalah ekonomi sendiri.

Katanya semasa beliau melawat Lubnan pada Jun tahun lepas, ahli-ahli perniagaan yang mengiringinya amat berminat untuk menyertai pembinaan semula Lubnan berikutan perang saudara selama 15 tahun.

Semasa berucap pada jamuan malam meraikan Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri di Sri Perdana di sini, Dr Mahathir berkata: "Ahli perniagaan kami memikirkan mereka boleh menjalankan beberapa projek yang ditawarkan yang boleh membantu membangunkan semula Beirut dan beberapa tempat lain di Lubnan.

"Tetapi hari ini kami amat kesal bahawa kami terpaksa menarik diri. Kami tidak mampu lagi untuk melabur di luar negara," kata Dr Mahathir kepada Hariri merujuk kepada krisis mata wang serantau yang menyebabkan kemerosotan kekayaan ekonomi Malaysia sejak enam bulan lepas.

"Malah di negara kami sendiri keupayaan untuk melabur dan membangun telah berkurangan. Secara tiba-tiba selepas bertahun-tahun menikmati kemakmuran hasil daripada sistem dan usaha kami sendiri, kami kini jatuh miskin bersama negara-negara lain di Asia Tenggara," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana menyeteri menolak apa yang dikatakannya "sikap mementingkan diri dan hipokrasi" mereka yang memperjuangkan hak asasi manusia yang menuduh kerajaan-kerajaan Asia Tenggara sebagai mengamali rasuah, kroniisme dan nepotisme, dan tidak telus.

Beliau juga memberitahu Hariri, yang melawat Malaysia buat kali kedua kali ini: "Anda mungkin menyaksikan pada lawatan anda yang lepas bahawa kerajaan yang didakwa sebagai penindas, despotik dan korup di rantau ini telah membina negara-negara dan rakyat yang makmur.

Bagi Malaysia, katanya, tidak terdapat pengangguran dan banyak kerja yang wujud sehinggakan pekerja-pekerja dari negara lain datang beramai-ramai untuk berkongsi kemakmurannya.

"Sekiranya kami mempraktikkan kroniisme dan nepotisme maka kita perlu anggap bahawa semua rakyat Malaysia adalah kroni-kroni dan anggota-anggota keluarga mereka semua mendapat manfaat daripada pentadbiran dan dasar-dasar kerajaan Malaysia dan juga dari kerajaan-kerajaan ekonomi harimau Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata pemindahan modal dari rantau ini pada kemuncak krisis ekonomi yang bermula pada Julai tahun lepas telah mengambil kekayaan yang telah dibina, menjadikan rantau ini hampir papa.

"Memang benar ada negara-negara yang telah dimufliskan oleh mereka, mengakibatkan berjuta-juta rakyat kehilangan pekerjaan, menyebabkan kecacauan sosial dan politik di mana pada satu masa kemakmuran dan kestabilkan wujud. Semua ini kami diberitahu adalah kerja-kerja kuasa-kuasa pasaran untuk mendisiplinkan kerajaan," kata beliau.

"Hari ini kesemua kemakmuran Asia Tenggara telah lenyap, berjuta-juta pekerja menganggur dan beribu-ribu syarikat yang baik dimufliskan, pasaran saham merudum, bank dan syarikat kewangan terpaksa ditutup dan secara umumnya kemiskinan dan kesusahan sekali lagi melanda rakyat kami," katanya.

Merujuk kepada program bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dilaksanakan di negara-negara seperti Thailand dan Indonesia, beliau berkata "Negara-negara ini yang sebelum ini makmur terpaksa melutut

meminta pinjaman untuk membayar hutang yang menjadi lebih besar disebabkan penurunan nilai matawang."

Dr Mahathir berkata tidak ada sebarang cadangan yang bantuan akan ditangguhkan sehingga kerajaan-kerajaan ini mematuhi hak asasi manusia.

"Tetapi apa pula dengan hak asasi beribu-ribu pekerja yang telah kehilangan pekerjaan mereka dan menjadi papa. Penurunan nilai wang mereka telah memberi kesan buruk kepada penghidupan mereka," katanya.

Beliau berkata tidak ada kerajaan di dunia yang sempurna dan semua kesalahan yang dilakukan di Asia Tenggara juga dilakukan di semua negara yang bercakap mengenai kerajaan dan pentadbiran yang baik.

Mengenai hubungan Malaysian-Lebanon, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara sedang dalam proses pembinaan semula.

"Negara anda dari kemusnahan peperangan dan kami dari kemusnahan yang disebabkan serangan yang tidak pernah berlaku sebelum ini ke atas ekonomi kami.

"Banyak yang kita ada persamaan dan oleh itu banyak yang dapat kita lakukan bersama. Malahan negara-negara yang lemah yang bekerjasama antara satu dengan lain dapat mempertingkatkan kekuatan mereka."

Dalam menambah bahawa Malaysia dan Lebanon bukanlah ekonomi-ekonomi yang paling lemah di dunia, Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa melalui persahabatan dan kerjasama, kedua-dua negara akan pulih dan membangun.

Hariri dalam ucapannya berkata beliau yakin Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir akan dapat mengatasi krisis ekonomi yang melanda negara sekarang.

"Saya percaya kepimpinan negara ini akan dapat mengatasi masalah ini dan apa yang anda lihat sekarang ada hanyalah saat-saat kesukaran...anda telah melihat lebih dari itu sebelum ini.

"Anda masih ada kemerdekaan anda, matawang anda, kilang-kilang anda dan yang paling penting sekali kepercayaan anda terhadap Tuhan dan kepercayaan anda terhadap negara anda dan masa depan anda," katanya.

Hariri juga menyatakan bahawa beliau percaya masalah yang dihadapi oleh Malaysia juga mungkin berpunca dari sikap cemburu pihak-pihak tertentu.

"Tetapi yang paling buruk boleh berlaku ke atas sesebuah negara ialah kita kehilangan keyakinan diri. Kita perlu yakin dengan Tuhan dan negara kita dan rakyat kita," katanya. -- BERNAMA

RAZ WAT